

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : Utusan Malaysia Online

TARIKH : Sabtu, 31 Mac 2018

### Penduduk Tanah Merah nikmati kemudahan perpustakaan



DATUK Seri Ikmal Hisham Abdul Aziz (kanan) bersama Datuk Nafisah Ahmad (kiri) meluangkan masa bersama anak-anak kawasan ini dalam Majlis Perasmian Perpustakaan Desa Tanah Merah dan Karnival Membaca 2018 "Membaca Transformasi Jiwa Bangsa" di sini hari ini. UTUSAN ONLINE / ROSMIZAN RESDI

[ROSMIZAN RESDI](#)

31 Mac 2018 4:02 PM

TANAH MERAH 31 Mac - Penduduk Tanah Merah cukup bertuah apabila dapat menikmati pelbagai pembangunan serta kemudahan termasuk pembukaan perpustakaan desa yang dirasmikan hari ini.

Ahli Parlimen Tanah Merah, Datuk Seri Ikmal Hisham Abdul Aziz berasa amat gembira, apabila perjuangannya untuk mewujudkan sebuah perpustakaan desa yang lebih besar, selesa dan sempurna di kawasan ini akhirnya membuahkan hasil.

Katanya, perpustakaan desa ini diwujudkan bagi menggalakkan anak-anak dan pelajar menggunakan perkhidmatan ini untuk menimba ilmu serta mendapatkan maklumat.

"Perpustakaan desa ini hanya sementara dan sebuah perpustakaan cawangan baharu bakal diwujudkan dalam bajet yang akan datang.

"Saya berharap, perpustakaan cawangan baharu yang difahamkan bernilai lebih RM8 juta itu akan menjadi realiti," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Perasmian Perpustakaan Desa Tanah Merah dan Karnival Membaca 2018 'Membaca Transformasi Jiwa Bangsa' di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, Datuk Nafisah Ahmad; Pengarah Prasarana Ilmu dan Maklumat Perpustakaan Negara, Rosham Abd. Shukur, Pengarah Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa, Mohd. Azmi Aziz dan Pegawai Pembangunan Jajahan Tanah Merah, Mohd. Azlisham Abd. Rahman.

Sementara itu, Nafisah berkata, penduduk di sini cukup bertuah kerana mempunyai seorang Ahli Parlimen yang begitu prihatin dalam menyediakan prasarana pendidikan anak-anak di kawasan ini.

"Saya berharap, orang ramai dapat menggunakan perpustakaan desa ini secara optimum untuk menimba ilmu pengetahuan.

"Manakala, untuk perpustakaan cawangan baharu yang bernilai RM8 juta itu, ia akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan yang lebih lengkap dan selesa," katanya. -  
UTUSAN ONLINE